

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 12/09/2024
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my
Tajuk : Yayasan Infaq ANGKASA Sasar Kutipan Sumbangan RM7 Juta Setahun

Yayasan Infaq ANGKASA Sasar Kutipan Sumbangan RM7 Juta Setahun



Abdul Fattah (kanan) melakukan gimik perasmian Penutupan Makan Malam Global Conference On Waqf, Technology and Bussiness Economic (G-CWTBE) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota Pengkalan Chepa.

KOTA BHARU: Yayasan Infaq Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyasarkan kutipan sumbangan infaq sebanyak RM7 juta sepanjang tahun ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata kutipan sasaran infaq itu membabitkan ahli mereka seramai 7.2 juta orang selain pihak luar.

Katanya, sehingga Ogos tahun ini, pihaknya berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM2 juta dan berharap lebih ramai pihak yang membuat sumbangan dan pelbagai bentuk termasuk wang tunai.

"Untuk ANGKASA sendiri setiap tahun kita akan menginfaqkan sebanyak RM1.5 juta kepada Yayasan Infaq ANGKASA, manakala lain-lain diberikan oleh pihak luar dan ahli.

"Ada dalam kalangan ahli membuat potongan gaji kepada Yayasan Infaq dengan jumlah keseluruhan lebih RM90,000 sebulan dan kita berharap lebih ramai yang tampil berbuat demikian.

"Memandangkan jumlah keahlian ANGKASA seramai 7.2 juta orang, kita menasarkankan jumlah kutipan infaq kita bertambah kepada RM7 juta setahun bermula tahun ini dengan purata setiap orang menderma hanya RM1 sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Merasmikan Majlis Penutup Persidangan Global Teknologi Wakaf dan Ekonomi Perniagaan dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), di sini, malam tadi

Mengulas lanjut katanya, sejak Yayasan Infaq ANGKASA ditubuhkan pada 2010, pihaknya sudah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM30 juta dan daripada jumlah itu, sebanyak RM17 juta dibelanjakan untuk aktiviti wakaf dengan pembelian bangunan.

Katanya, bangunan terbabit dibeli untuk dijadikan premis perniagaan dengan kadar sewaan yang jauh lebih murah ditawarkan kepada mereka yang berminat.

"Itu matlamat kita dan kita juga mensasarkan setiap negeri akan mempunyai satu bangunan wakaf bagi membantu memperkukuhkan ekonomi setempat.

"Sehingga kini Johor, Negeri Sembilan, Sabah, Pahang, Penang dan Kuala Lumpur sudah mempunyai bangunan wakaf berkenaan dan kita akan berusaha untuk membuat pembelian di negeri-negeri lain juga," katanya.